

06 APRIL 2018

Dua token masuk jerat

KUALA LUMPUR - Polis memberkas dua lelaki dipercayai token dadah dalam serbuan di dua lokasi di Setapak Indah dan Jalan Semarak, semalam.

Serbuan bermula jam 1.20 petang itu dijalankan sepasukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sarif berkata, tangkapan pertama melibatkan seorang pengawal keselamatan berusia 22 tahun di tepi pondok pos pengawal.

"Pemeriksaan menjumpai 11 paket plastik disyaki dadah jenis heroin yang dianggarkan seberat 18.62 gram bernilai RM 1,500.

"Malah semakan mendapati suspek ini mempunyai satu rekod lampau berkaitan kes dadah," katanya.

Dua token masuk jerat



Antara barang kes yang dirampas polis.

Dalam tangkapan kedua pula berjaya menahan seorang mekanik kereta berusia 22 tahun di sebuah hentian bas dan merampas enam ketulan foil aluminium disyaki ganja.

Beliau berkata, dianggarkan gan-

ja seberat 211.52 gram itu bernilai RM1,550. Katanya, kedua-dua suspek kini direman tujuh hari sehingga Rabu depan dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.